KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA
Aras 5, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan
75450 Ayer Keroh, Melaka

Tel : 06-289 5000
Faks : 06-234 5201 / 5202 / 5207
Portal Rasmi : https://melaka.anm.gov.my

Ruj. Kami : ANM(UKPP)MEL/12 JLD.6 (36)
Tarikh : 2 November 2026
Bersamaan : 22 Jamadilawal 1448H

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

ARAHAN KERJA BIL. 95/2026/O: PENGHANTARAN SIJIL PENGESAHAN BAKI VOT, HASIL, AMANAH DAN DEPOSIT BAGI BULAN OKTOBER 2026

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil.4/2021, Bil.1/2023, Bil. 5/2023 dan Bil. 3/2025,.

2. Dimaklumkan bahawa, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah diminta untuk mengemukakan Sijil Pengesahan Baki Vot, Hasil, Amanah dan Deposit bagi bulan **Oktober 2026 selewat-lewatnya pada 13hb November 2026 (Jumaat)**. Pengesahan Baki tersebut pada tarikh yang ditetapkan akan menyebabkan **ketidakpatuhan kepada Arahan Perbendaharaan 143(b)** dan teguran di dalam Laporan Audit Tahunan di peringkat Persekutuan.

3. Selaras dengan **SPANM Bil. 4/2024,** pegawai yang menandatangani Sijil Pengesahan Baki, Penyata Penyesuaian Vot / Terimaan / Amanah / Deposit, Buku / Subsiadiari / Laporan Akaun Deposit dan Laporan Akaun Amanah perlu mempunyai Kebenaran Khusus Secara Bertulis Penyelenggaraan Laporan Kewangan dan Perakaunan. Sekiranya berlaku pertukaran pegawai kebenaran khusus ini adalah terbatal dan perlu digantikan dengan kebenaran khusus yang baharu.

4. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai di Unit Akaun seperti berikut:

i.	En. Abdul Jalil Bin Abd Raman	06-2895090
ii.	Pn. Nurkhalila binti Mohd Hamsin	06-2895088

5. Kerjasama dan tindakan segera pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan di dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"
"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
''Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan''

Saya yang menjalankan amanah,

(YONG KOK SIA FCCA, ACMA, CGMA, C.A.(M))
Timbalan Pengarah,
b.p Pengarah Negeri,
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Melaka.